

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 04 April 2017 16:20
To: UUM - All Staff
Subject: UUM MENANG KES SAMAN OLEH DR. ABDUL HALIM MOHAMAD
Importance: High



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

4 APRIL 2017 / 7 REJAB 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM MENANG KES SAMAN OLEH DR. ABDUL HALIM MOHAMAD

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah memenangi kes saman oleh Dr. Abdul Halim Mohamad apabila Mahkamah Persekutuan pada 8 September 2016 menolak dengan kos permohonan keizinan merayu beliau terhadap keputusan Mahkamah Rayuan atas alasan tiada isu undang-undang baharu yang perlu diujahkan.

Kes bermula apabila Dr. Abdul Halim menfailkan Writ Saman dan Penyataan Tuntutan terhadap UUM di Mahkamah Tinggi pada April 2010 melalui Saman Sivill No 22-1-2-2010 bagi menuntut kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan gred DS52, gantirugi dan kos pengajian berjumlah RM700,000.00 serta ganti rugi stress.

Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 5 Disember 2012 mengisytiharkan bahawa Dr. Abdul Halim diberi kenaikan pangkat sebagai Pensyarah Kanan DS52 mulai Jun 2008, walaubagaimanapun Mahkamah Tinggi Alor Setar menolak tuntutan beliau untuk mendapatkan gantirugi daripada UUM.

Berikutan itu, UUM telah merayu dan Dr. Abdul Halim juga membuat rayuan silang kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut. Mahkamah Rayuan pada 13 Ogos 2015 menolak rayuan silang Dr. Abdul Halim dengan kos tetapi sebaliknya membenarkan rayuan UUM.

Dr. Abdul Halim seterusnya mengemukakan permohonan keizinan merayu kepada Mahkamah Persekutuan bagi mengemukakan keputusan Mahkamah Rayuan. Pada 8 September 2016 Mahkamah Persekutuan tidak membenarkan permohonan Dr. Abdul Halim. Sehubungan dengan itu keputusan Mahkamah Rayuan tersebut adalah kekal.

Memandangkan kes itu telah dibawa sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan, kausa tindakan telah berakhir dan tamat. UUM akan mengambil tindakan selanjutnya selaras dengan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut.

Justeru itu, adalah menjadi harapan Pihak Pengurusan UUM agar Prosedur Kekilangan Dalam (Internal Grievance Procedure) dipatuhi terlebih dahulu sebelum tindakan undang-undang diambil ke atas majikan kerana ia bukan sahaja melibatkan kos dan tumpuan masa yang tinggi, malah boleh menjejaskan reputasi dan kelicinan urusan pentadbiran UUM.

Rundingan secara bersemuka dan 'engagement' antara staf dan UUM adalah jalan terbaik untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Pihak Pengurusan UUM sentiasa bersikap terbuka dan bersedia mendengar serta membantu dalam menyelesaikan masalah staf mengikut peraturan ditetapkan, di samping menjaga kepentingan semua pihak.

Selain memakan masa yang lama, staf yang membawa tindakan undang-undang ke atas majikan juga terpaksa menanggung kos yang tinggi sekiranya kes tidak berpihak kepada mereka.

Lembaga Pengarah UUM juga mengingatkan semua warga UUM agar menyelesaikan apa-apa pertikaian secara berhikmah dan berhemah selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa dan mengambil iktibar daripada kes saman ini.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)

ANJUNG
Relaksasi
Centre
TamuUUM



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my> Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.